



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Ramadan kian hampir di penghujungnya. Perasaan sedih pasti bertamu kepada setiap jiwa Muslim yang mencari keredaan Allah SWT.

Pada bulan seterusnya tiada lagi ganjaran 'bonus' sehebat seperti yang Allah SWT tawarkan hanya pada Ramadan.

Pastikan baki Ramadan ini dimanfaatkan sebaik mungkin kerana belum tentu kita akan bertemu Ramadan tahun depan!

Berakhiranya Ramadan ini menandakan bermulanya Syawal yang sinonim dengan bulan raya.

Aidilfitri atau juga

Raikan Syawal bersama pelbagai bangsa

HARIAN METRO 22/6/2017

dikenali sebagai Hari Raya Puasa adalah satu daripada dua perayaan dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat Islam.

Aidilfitri adalah hari bagi umat Islam memanifestasikan rasa gembira dan syukur selepas berjaya mengharungi tarbiah Ramadan.

Pelbagai cara dan panduan diberikan Rasulullah SAW dalam menyambut perayaan ini antaranya bersama-sama menuaikan solat sunat Aidilfitri, memakai haruman bagi lelaki, memakai pakaian terbaik dan memperbanyakkan takbir.

Dalam kita bergembira menyambut hari raya, kita perlu ingat Aidilfitri bukanlah perayaan bersifat amalan tradisi mahupun budaya sesuatu kaum

semata-mata, tetapi ibadat yang akan diberikan ganjaran Allah SWT jika dilakukan dengan betul.

Amat sedih jika Aidilfitri hanya dijadikan sebagai pesta tahunan dan roh ibadat itu ditinggalkan.

Pada hari ini, pelbagai cara dan ragam boleh kita lihat ketika musim perayaan Aidilfitri. Pelbagai adat dan budaya diasimilasikan ketika menyambut hari lebaran.

Ia tidak hanya berkait dari segi pakaian dan makanan saja. Di Malaysia, sambutan Aidilfitri masih tidak dapat lari dikaitkan dengan bangsa Melayu kerana pakaian dan makanan yang dihidangkan.

Bagaimanapun, dengan pertambahan jumlah orang Islam daripada pelbagai kaum, hari lebaran kini lebih bersifat universal.

Perayaan ini dirayakan setiap Muslim di seluruh dunia tanpa mengira bangsa dan negara. Begitu juga ia turut dirayakan masyarakat Cina Muslim.

Ada yang baru pertama kali berpuasa tahun ini sudah tentu pertama kali jugalah menyambut Aidilfitri. Tahniah diucapkan kepada yang berjaya!

Sebelum ini mereka bukannya tidak pernah berhari raya tetapi yang istimewanya kali ini dengan bangganya dapat menyambut Aidilfitri sebagai seorang Muslim.

Sudah tentu perasaan sebelum dan sesudah Islam amat berbeza sekali. Kali ini saudara baru Cina Muslim akan menyambut Aidilfitri dengan penuh kesyukuran kerana berjaya dalam melakukan ibadat puasa.

Puasa mendidik hati mereka untuk lebih dekat dengan Tuhan Maha Pencipta yang dicari-cari selama ini. Kawan-kawan sebangsa tetapi beragama lain juga mengucapkan Selamat Hari Raya tetapi oleh kerana mereka berkomunikasi dalam bahasa Cina, maka ucapannya menjadi Selamat Tahun Baru.

Mereka ingatkan Aidilfitri dilihat sebagai perayaan terbesar untuk orang Melayu Muslim seperti Tahun Baru Cina yang menjadi perayaan terbesar dan terpenting dalam masyarakat Cina.

Penulis menggunakan peluang terbaik ini untuk menjelaskan Aidilfitri bukan sambutan Tahun Baru atau perayaan untuk satu-satu bangsa tetapi

perayaan menyambut kedatangan bulan baru Syawal.

Aidilfitri dirayakan oleh semua bangsa yang ada di dunia ini kerana Islam adalah agama sejagat.

Pada musim perayaan ini juga, kita dapat lihat orang Islam khususnya di Malaysia mula mengambil langkah proaktif menyambut Aidilfitri bersama-sama masyarakat bukan Islam.

Ibadat yang dilakukan pada bulan Ramadan sebelum ini banyak mendidik kita supaya membuang segala sikap buruk seperti prejudis, dendki dan bermusuhan sesama insan.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)